

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN

DARIPADA : YB DATUK SERI PANGLIMA MADIUS TANGAU [TUARAN]

SOALAN

DATUK SERI PANGLIMA MADIUS TANGAU [TUARAN] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan bilakah '*Internet connectivity*' sepanjang jalan Kiulu-Pukak-Lokos-Rondoggung dalam Parlimen Tuaran akan dilaksanakan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian sentiasa memberi tumpuan kepada penambahbaikan infrastruktur komunikasi melalui penyediaan liputan jalur lebar berkelajuan tinggi dengan menggunakan pelbagai teknologi. Ini adalah untuk membolehkan rakyat dapat menikmati akses kepada perkhidmatan jalur lebar berkelajuan tinggi yang lebih menyeluruh.
2. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, sebanyak enam (6) menara baharu dengan perkhidmatan 4G sedang dirancang dan akan dilaksanakan di sepanjang jalan Kiulu ke Rondoggung dengan menggunakan teknologi gentian optik dan dijangka siap menjelang tahun 2022.
3. Walau bagaimanapun, segala inisiatif pembangunan infrastruktur digital ini memerlukan kerjasama dari semua pihak, terutamanya di peringkat Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan untuk pemudahcaraan proses dan kelulusan bagi projek-projek yang telah dirancang dan yang akan dilaksanakan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BERTULIS DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS TAHUN 2020**

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : YB DATO' SERI MAHDZIR BIN KHALID
[PADANG TERAP]**

SOALAN

DATO' SERI MAHDZIR BIN KHALID [PADANG TERAP] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah langkah-langkah yang telah dijalankan bagi mengurangkan kes kehilangan pekerjaan (LOE) dan peningkatan dalam penempatan semula pekerja setelah langkah memulihkan ekonomi negara melalui pelan rangsangan ekonomi yang diperkenalkan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pandemik COVID-19 telah memberi impak besar kepada ekonomi global secara keseluruhannya dan juga termasuk Malaysia. Kerajaan telah berusaha untuk membendung penularan wabak COVID-19 dan juga impak kepada sektor ekonomi negara.
2. Bagi menstabilkan ekonomi negara dan juga membantu majikan yang terkesan dapat mengekalkan pekerja mereka, Kerajaan telah memperkenalkan beberapa inisiatif di bawah Pakej PRIHATIN, PRIHATIN PKS Tambahan, PENJANA dan Kita PRIHATIN.
3. Langkah-langkah yang diperkenalkan oleh Kerajaan menerusi PERKESO untuk mengekalkan pekerjaan dan juga merangsang pengambilan pekerja adalah seperti berikut:
 - i. Pelaksanaan ***Employment Retention Programme (ERP)***, sehingga 20 November 2020, sebanyak 37,901 permohonan daripada majikan yang melibatkan 340,252 pekerja dan RM211.33 juta telah dimanfaatkan oleh para pekerja;
 - ii. pelaksanaan **Program Subsidi Upah (PSU)**. Sehingga 20 November 2020, sebanyak 331,950 permohonan majikan yang melibatkan lebih 2.7 juta pekerja. Sebanyak RM12.29 bilion telah dimanfaatkan oleh para majikan;
 - iii. **Program Subsidi Upah 2.0 (PSU 2.0)** - Dari 1 Oktober 2020 sehingga 20 November 2020 PERKESO telah menerima 73,795 permohonan dari majikan dan melibatkan seramai 740,279 pekerja;

iv. Di bawah **Program Insentif Pengambilan Pekerja** (*Hiring Incentive Programme*) adalah seperti berikut:

- a) **Program MyApprentice** di mana sehingga 20 November 2020 seramai **5,499** perantis telah berjaya ditempatkan;
- b) **Program HireMalaysia** di mana sehingga 20 November 2020 seramai **68,198** pekerja berjaya ditempatkan bagi umur bawah 40 tahun ke bawah dan **10,874** orang pekerja bagi 40 tahun ke atas;
- c) **Insentif Pengambilan Pekerja Tempatan** dari golongan **Orang Kurang Upaya (OKU)** iaitu sehingga 20 November 2020 seramai **351** telah berjaya ditempatkan;
- d) **Bantuan Mobiliti** secara *one-off* kepada pekerja yang berpindah dari lokasi tempat bermastautin ke tempat kerja baharu. Sehingga 20 November 2020 seramai **4,263** orang pekerja telah mendapat faedah ini.
- e) **Program Latihan** untuk pekerja berdasarkan keperluan majikan. Sehingga 20 November 2020 seramai **14,029** orang pekerja telah mendapat manfaat; dan
- f) Portal **MYFutureJobs** iaitu portal pekerjaan membantu majikan dan pencari kerja mendapatkan pekerjaan. Sejak *MyFutureJobs* diperkenalkan, sebanyak **524,116** kekosongan jawatan dan **389,184** pencari kerja telah didaftarkan.

4. Kementerian melalui PERKESO turut melaksanakan program Karnival PenjanaKerjaya. Setakat 20 November 2020 sebanyak 229 program Karnival Pekerjaan telah dilaksanakan melibatkan penyertaan 541 majikan dan berjaya menempatkan 4,060 pencari kerja.

Sekian, terima kasih.